UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14) PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)
Carian...
BM

Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia
(https://50tahun.upm.edu.my)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

(/) » BERITA (/BERITA) » Tidak munasabah ragui kualiti graduan hanya bersandarkan jumlah graduan

Senarai Berita (/berita)

# Tidak munasabah ragui kualiti graduan hanya bersandarkan jumlah graduan

Oleh: Azman Zakaria



SERDANG, 19 Mac:  Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah bahawa adalah tidak munasabah sekiranya ada pihak meragui kualiti graduan UPM hanya semata-mata bersandarkan jumlah graduan yang dihasilkan.

Baginda bertitah bahawa baginda yakin graduan yang dihasilkan oleh UPM merupakan graduan yang unggul dan berkualiti tinggi.

Titah baginda, mereka dibimbing oleh para pensyarah yang berintegriti melalui sistem akademik yang bertambah baik.

"UPM sentiasa memastikan semua graduannya berkualiti sebagaimana yang telah ditetapkan," titah baginda pada Sesi 1, Majlis Konvokesyen ke-45 UPM,  di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM di sini, hari ini.




Seramai  6,142 graduan terdiri daripada 484 penerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), 1,611 Ijazah Master, 3,564 Bacelor dan 483 Diploma menerima ijazah dan diploma pada Majlis Konvokesyen selama enam hari itu.

Sambil mengucapkan tahniah kepada ibu bapa para graduan atas kejayaan anak-anak mereka, baginda turut berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan dengan memilih UPM sebagai destinasi pendidikan para graduan.

Baginda bertitah bahawa graduan harus bersyukur atas nikmat dan kelebihan yang dimiliki sebagai graduan UPM, dan menggesa mereka untuk terus meningkatkan martabat ibu bapa, keluarga dan negara ke peringkat lebih tinggi dengan ilmu yang dipelajari serta menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berintegriti.

Titah baginda, peranan universiti bukan sahaja untuk menyediakan belia atau graduan yang dapat memenuhi pasaran kerja, tetapi juga melengkapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi individu yang aktif, bertanggungjawab, beradab, beramanah, dan menjunjung tinggi tatacara kehidupan insaniah.

"Kejayaan yang diraih bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi keperibadian diri graduan," titah baginda.

Baginda berharap Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang dilancarkan Disember tahun lalu akan dapat memperkukuhkan kedudukan dan peranan UPM sebagai sebuah Menara Ilmu, seterusnya merencana masa depan UPM yang lebih gemilang.

Baginda bertitah pengurusan Universiti sentiasa melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan berterusan untuk mengangkat UPM sebagai sebuah menara ilmu melalui peningkatan kualiti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional terhadap masyarakat.

Baginda juga bertitah meskipun impak COVID-19 sangat besar terhadap Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk UPM, universiti telah berusaha bersungguh-sungguh mengekang penularan pandemik itu dengan sebaik mungkin.

Titah baginda, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dalam aspek pengurusan risiko, komunikasi krisis, pengajaran dan pembelajaran secara digital, inovasi, kebijakan pelajar dan khidmat nasihat awam.

"Usaha ini dilakukan demi keteguhan dan kelangsungan institusi agar UPM terus kukuh kekal sebagai sebuah Menara Ilmu yang sentiasa berdaya saing.  Dalam situasi kita masih berhadapan dengan impak penularan pandemik COVID-19, isu kesejahteraan ialah isu kritikal yang perlu ditangani bersama," titah baginda.  - UPM

Tarikh Input: 19/03/2022 | Kemaskini: 19/03/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA
(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F

W1VEEIAP:08:38

LIHAT JUGA



INSPEM sambut ulang tahun ke-20 penubuhan di UPM (/berita/inspem_sambut_ulang_tahun_ke_20_penubuhan_di_upm-66234)




Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia UPM anjur bengkel menggubal dasar 'National Transfer Account' bersama Kementerian Kewangan dan PBB (/berita/institut_penyelidikan_penuaan_malaysia_upm_anjur_bengkel_menggubal_dasar_national_transfer_account_bersama_kementerian_kewangan_dan_pbb-66233)



Pusat Rawatan Kecil (PRK) Darussyifa' Masjid UPM dirasmikan (/berita/pusat_rawatan_kecil_prk_darussyifa_masjid_upm_dirasmikan-66125)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Ftidak_munasabah_ragui_kualiti_graduan_hanya_bersandarkan_jumlah_graduan-65935&
title=Tidak%20Munasabah%20Ragui%20Kualiti%20Graduan%20Hanya%20Bersandarkan%20Jumlah%20Graduan%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

BM

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

(http://putra.upm.edu.my)
(http://portal.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my)
(http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/)
(https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

W1VEEIAP:08:38